

'Ramai ditipu dalam transaksi e-Dompot'

Lagatah Toyos

TAWAU: Dewan Perniagaan Tionghua Tawau (CCCT) mendakwa terdapat banyak kes penipuan transaksi e-Dompot, terutama melibatkan barangan bernilai tinggi, di daerah ini.



Timbalan Presiden CCCT merangkap Ketua Hal Ehwal Pentadbiran, Khoo Giat Piang (gambar), berkata pihaknya menerima banyak aduan daripada peniaga dan ahli dewan yang menjadi mangsa penipuan ini.

Menurut mangsa, penipu akan berpura-pura membeli barangan bernilai tinggi dan menggunakan e-Dompot sebagai kaedah pembayaran. Mereka kemudian menunjukkan rekod transaksi yang kelihatan sah dan meminta peniaga mengambil gambar resit.

Bagaimanapun, peniaga hanya menyedari tiada bayaran sebenar dibuat se-

lepas itu. Malah, ada yang hanya menerima pembayaran sebanyak satu'sen sahaja.

Khoo berkata, CCCT mendapati taktik ini sudah digunakan di Semenanjung Malaysia, di mana penipu dikatakan menggunakan resit transaksi palsu.

Sesetengah penipu juga menggunakan perisian penggodaman untuk mencipta paparan transaksi e-Dompot palsu bagi memperdayakan peniaga.

Beliau menasihati peniaga supaya lebih berhati-hati ketika berurusan dengan pelanggan yang tidak dikenali, terutama dalam pembelian barangan bernilai tinggi.

Selain itu, beliau mencadangkan agar peniaga memasang peranti pemberitahuan suara transaksi e-Dompot seperti Touch 'n Go Soundbox di premis mereka. Peranti ini akan memberikan pengesahan suara setiap kali transaksi berjaya dilakukan.

CCCT akan menghubungi semua peniaga bagi memberi amaran tentang penipuan ini supaya mereka lebih berwaspada.

Sementara itu, Presiden CCCT, Chia Seong Fatt, menggesa peniaga yang menjadi mangsa untuk segera membuat laporan polis.

Beliau menasihati mereka agar menyimpan semua bukti seperti tangkapan skrin transaksi dan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bagi memudahkan siasatan.

Menurutnya, kes penipuan hanya boleh dibanteras dengan meningkatkan kesedaran awam dan kerjasama semua pihak.

"Jika terdapat sebarang aktiviti mencurigakan, mereka perlu segera memaklumkan rakan peniaga, media, dan CCCT bagi mengelakkan lebih ramai menjadi mangsa," katanya dalam satu kenyataan media pada Rabu.

Chia berkata, CCCT akan berbincang dengan pihak polis untuk mengenakan tindakan lebih tegas terhadap individu yang melakukan penipuan e-Dompot. Mereka juga akan menghubungi pengendali e-Dompot bagi menuntut sistem keselamatan yang lebih ketat.